

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[KAMPAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kelulusan Permit Import (AP) yang diluluskan untuk pengimportan bahan-bahan plastik terbuang untuk dikitar semula dari negara luar. Nyatakan secara terperinci kelulusan dari tempoh Januari 2017 sehingga September 2019 dan namakan syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan AP ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga September 2019 jumlah kelulusan lesen import (AP) bagi pengimportan sisa plastik kod tarif 39.15 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) selepas penetapan syarat baharu yang berkuat kuasa pada 26 Oktober 2018 adalah sebanyak 68 syarikat. Daripada jumlah tersebut, Negeri Selangor mempunyai pemegang AP tertinggi iaitu sebanyak 24 syarikat. Statistik syarikat pemegang AP mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan Syarikat Pemegang AP
1.	Selangor	24
2.	Pulau Pinang	20
3.	Johor	10
4.	Perak	4
5.	Kedah	5
6.	Negeri Sembilan	3
7.	Melaka	2
Jumlah		68

2. Adalah dianggarkan sebanyak 189,750 tan sisa plastik telah diimport oleh syarikat-syarikat tersebut bermula bulan Januari sehingga Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.